

SEKS SIBER DALAM KALANGAN REMAJA: KAJIAN TERHADAP PEMAHAMAN, PERSEPSI, PENERIMAAN & FAKTOR

Muhammad Adnan Pitchan¹

Nurani Mohd²

Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Internet sememangnya sudah berkembang pesat pada era globalisasi ini. Kemunculan medium baharu ini memberi pelbagai kemudahan dan juga kebaikan kepada generasi kini. Internet yang kini mudah dicapai di mana-mana lokasi tidak kira waktu memberikan kebebasan mutlak kepada remaja untuk bergerak secara beraktif. Dalam perkembangan yang semakin pesat ini, wujud satu medium interaktif yang menyajikan peluang kepada remaja untuk melakukan aktiviti berkaitan seks melalui medium Internet. Seks siber adalah satu perbuatan yang melakukan hubungan komunikasi dua hala melalui perantara media Internet, dengan menghantar mesej yang lucah, sama ada dalam bentuk ayat dan huruf atau foto yang memberikan makna lucah. Memandangkan remaja adalah antara pengguna yang mudah terlibat dalam gejala ini maka kertas ini adalah untuk bertujuan melihat pemahaman, persepsi, penerimaan serta faktor aktiviti seks siber dalam kalangan remaja terutama di Bandar Baru Bangi. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah pendekatan kualitatif di mana teknik temu bual mendalam digunakan ke atas sepuluh orang remaja yang mempunyai pengalaman dan tidak mempunyai pengalaman dalam aktiviti seks siber. Antara dapatan utama kajian adalah para informan mempunyai pemahaman yang baik terhadap isu aktiviti seks siber ini. Selain itu, informan juga tidak mempunyai persepsi yang buruk terhadap pelaku seks siber dan para informan juga menyatakan bahawa mereka boleh menerima perbuatan seks siber dalam kehidupan mereka dan antara faktor utama yang menyumbang kepada aktiviti ini adalah faktor diri sendiri.

Kata kunci: Seks siber, remaja, pemahaman, persepsi, penerimaan, Internet

¹ Pensyarah di Pusat Impak Media dan Industri Kreatif, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan UKM dan mempunyai kepakaran dalam bidang kajian media baharu, undang-undang siber dan polisi keselamatan siber. E-mel: adnan86@ukm.edu.my. No Tel: 013-2578730

² Pelajar alumni Universiti Kebangsaan Malaysia, UKM dan mempunyai minat dalam kajian remaja dan media baharu. E-mel: nurani.mohdnazim@gmail.com

PENGENALAN

Kemunculan Internet dan media sosial kini memberi banyak pengaruh dan kesan kepada perilaku remaja. Dalam kesibukan menikmati kecanggihan dunia Internet aktiviti seks siber semakin menular dalam kalangan remaja. Menurut Weiss (2015) seks siber adalah satu keadaan di mana menggunakan komputer sebagai medium untuk setiap bentuk ekspresi atau kepuasaan seksual. Menurut beliau, seks siber juga dianggap sebagai satu kepuasaan atau kegembiraan maya dan suatu bentuk baru dari keintiman. Selain itu, Wery & Billieux (2017) pula berpendapat bahawa seks siber adalah hubungan erotik yang berlaku di alam maya atau Internet. Seks siber juga sering disebut sebagai Internet seks, komputer seks atau pun virtual seks di mana pertemuan dua orang dari jarak jauh melalui jaringan komputer dan Internet dengan saling mengirimkan hasrat seksual secara eksplisit melalui pesanan teks, audio atau video. Seks siber memiliki tatacara seksual di mana pelaku seakan-akan terlibat dalam kegiatan seks dengan saling memberikan fantasi seksual bagi tujuan merangsangkan nafsu seksual kedua-dua pelaku (Aiken, 2017).

Selain itu, menurut pandangan Agus (2008), seks siber juga adalah satu perbuatan melihat, mendengar dan merasa tanpa harus berhubungan badan atau secara pertemuan fizikal. Pada dasarnya ianya hanya menggunakan imaginasi dalam mencapai kepuasan seksual diri sendiri. Walaupun tidak terjadi secara fizikal atau realiti, pelaku seks siber ini mampu mengeluarkan pelbagai fantasi mengenai seksual kepada orang lain selain daripada pasangan tetapnya. Tambahan pula, kadang kala seseorang itu tidak cukup puas dengan hubungan realiti yang mereka ada sehingga cenderung melakukan imaginasi secara seksual untuk memuaskan keperluan atau kehendak seksual mereka (Agus, 2008).

Penggunaan Internet sebagai medium melakukan aktiviti seks siber ini memberi implikasi negatif kepada remaja masa kini. Menurut Whitty & Young (2017) pengguna yang ghairah menggunakan laman web lucu lebih cenderung untuk mengalami hubungan komunikasi. Kini, kadar penembusan jalur lebar di Malaysia telah mencapai 71.0 peratus (SKMM, 2017) dan menurut Laporan Akamai (2017) purata kelajuan terpantas Internet di Malaysia ialah 64.1Mbps. Tambahan pula, data menunjukkan pengguna media sosial di Malaysia ialah seramai 20 juta orang (SKMM, 2017). Dalam konteks di Malaysia, dengan kemajuan dalam Internet, remaja masa kini mudah terdedah kepada ancaman bahan pornografi. Apabila remaja mudah memperolehi bahan pornografi dan hal ini menyebabkan mereka mula terjebak ke dalam dunia seks di mana mereka akan mula mencari pasangan yang boleh memuaskan nafsu mereka. Umumnya remaja adalah mereka yang beralih dari zaman kanak-kanak menuju ke

dewasa tetapi masih belum mencapai tahap kematangan. Di peringkat ini segala aktiviti yang menyeronokan mereka adalah menjadi keutamaan.

Kini dengan wujudnya aplikasi media sosial seperti WhatsApp, Telegram, Facebook, Twitter, Skype turut memudahkan remaja melakukan aktiviti seks siber. Hal ini kerana setiap media sosial yang ada pada masa kini mempunyai ciri-ciri menarik yang boleh digunakan untuk bertujuan aktiviti seks siber. Sebagai contoh melalui WhatsApp remaja boleh berkongsi gambar dan video luah mereka kepada pasangan mereka dan tambahan pula dengan adanya ciri-ciri rakaman suara remaja turut boleh mengongsikan suara mereka. Secara umumnya, perbuatan seks siber ini tidak boleh diterima dalam kalangan sesuatu masyarakat dan hal ini kerana ianya adalah menyalahi norma kehidupan. Disebabkan remaja antara pengguna tertinggi dalam menggunakan Internet isu ini agak menarik untuk melihat persepsi mereka terhadap aktiviti seks siber. Justeru, beberapa elemen menjadi persoalan seperti bagaimana remaja memahami isu aktiviti seks siber, bagaimana persepsi mereka terhadap isu tersebut, adakah mereka menerima atau menolak kegiatan seks siber dalam kehidupan mereka serta apakah faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya aktiviti seks siber ini. Memandangkan kewujudan Internet ini memberi pelbagai ruang dan peluang kepada remaja, menyediakan pelbagai medium komunikasi, tambahan pula semua maklumat termasuk bahan-bahan pornografi mudah diperolehi melalui Internet tanpa sebarang penapisan maka terdapat keperluan untuk membincangkan isu aktiviti seks siber dalam kalangan remaja. Justeru, tujuan kertas ini adalah untuk melihat pemahaman, persepsi, penerimaan serta faktor aktiviti seks siber dalam kalangan remaja.

METODOLOGI

Hasil dapatan yang dibincangkan dalam kertas ini diperolehi melalui kaedah kualitatif dengan menggunakan reka bentuk kajian temu bual mendalam. Jenis temu bual mendalam yang digunakan adalah temu bual separa berstruktur kerana ianya lebih fleksibel dan memudahkan informan menghuraikan apa yang difikirkannya kepada penyelidik. Selain itu, jumlah informan yang ditemu bual dalam kajian ini adalah seramai sepuluh orang remaja daripada Bandar Baru Bangi di mana mereka dibahagikan kepada dua kategori utama iaitu mereka yang mempunyai pengalaman dalam aktiviti seks siber dan juga mereka yang tidak mempunyai pengalaman dalam aktiviti seks siber. Perbezaan kategori informan ini dapat mengukuhkan dapatan kajian dalam temu bual mendalam ini di mana boleh memperolehi pelbagai pendapat dari sudut yang berbeza. Umur remaja yang dipilih dalam kajian ini adalah di antara 20 tahun hingga 25 tahun.

HASIL DAN PERBINCANGAN

Hasil dan perbincangan ini dihuraikan dengan memfokuskan kepada empat elemen utama iaitu pemahaman remaja terhadap aktiviti seks siber, persepsi remaja terhadap aktiviti seks siber, penerimaan remaja terhadap aktiviti seks siber dan juga faktor-faktor yang mempengaruhi remaja terhadap perbuatan aktiviti seks siber.

Pemahaman Remaja Terhadap Aktiviti Seks Siber

Hasil kajian mendapati para informan telah memahami konsep aktiviti ini dengan mendalam. Hal ini kerana para informan dapat memberikan pemahaman yang tepat tanpa diterangkan lebih awal tentang konsep sebenar aktiviti ini. Sememangnya, aktiviti ini sudah mendapat perhatian oleh remaja di mana ini dibuktikan dengan maklumat yang diberikan adalah kefahaman yang tinggi. Kajian ini juga mendapati apabila ditanya berkaitan pemahaman informan, mereka boleh menjawab dengan yakin dan tidak berasa malu dalam mengeluarkan pengetahuan mereka. Secara umumnya, informan memahami seks siber ini sebagai satu keadaan di mana menggunakan media sosial untuk melakukan perbuatan lucah, ayat-ayat berkaitan seks serta melakukan aksi-aksi seks atau lucah dan dilakukan oleh dua orang atau lebih. Ini bererti seks siber adalah komunikasi seks dua hala yang dilakukan secara berpasangan dan bukan secara berseorangan. Ini dibuktikan dengan kenyataan daripada informan-informan seperti berikut;

...apa yang saya faham ialah perbuatan lucah dalam internet, mesej atau memberi ayat lucah pada sesiapa di dalam siber...

...remaja menggunakan media sosial atau siber untuk perbuatan seks secara maya dan tidak melibatkan seks fizikal...

...conversation dua orang tentang seks di alam maya. Contohnya menghantar mesej lucah kepada seseorang atau membayar seseorang untuk melayan mereka membuat aktiviti lucah melalui Internet...

...seks siber kalau ikut apa saya faham ianya adalah aktiviti mencari pasangan seks untuk bersuka ria atau melayan nafsu masing-masing...

Persepsi Remaja Terhadap Aktiviti Seks Siber

Persepsi adalah berkaitan dengan pandangan dan tanggapan informan terhadap aktiviti seks siber dari sudut positif atau negatifnya aktiviti ini. Hasil dapatan mendapati bahawa pandangan informan adalah positif di mana mereka melihat aktiviti ini adalah sebagai aktiviti yang menyeronokkan dan disukai oleh semua lapisan tidak mengira jantina. Aktiviti ini dikatakan menyeronokkan apabila pasangan mereka memberikan respon yang baik tentang topik seks yang dibualkan di dalam media sosial mereka. Semakin rancak perbualan mereka tentang seks, semakin menaikkan nafsu kedua-duanya dan ianya menjadi sesuatu yang menyeronokkan untuk dilakukan. Tambahan pula, informan menyatakan bahawa aktiviti ini secara positifnya adalah lebih selamat daripada mengamalkan seks bebas secara fizikal yang akan mendatangkan kesan yang lebih ketara. Ianya hanya dilakukan untuk memuaskan nafsu secara imaginasi atau khayalan sahaja. Dari sudut lain pula, terdapat juga informan yang mempunyai persepsi bahawa aktiviti ini tidak sihat dan tidak sepatutnya dilakukan oleh remaja walaupun dengan kerelaan sendiri. Hasil kajian juga mendapati persepsi remaja terhadap aktiviti ini adalah satu perbuatan normal dan menjadi kebiasaan dalam kalangan mereka kerana ianya dilakukan oleh semua orang dan tidak akan ada penilaian negatif terhadap mereka yang terlibat. Ini disokong oleh kenyataan para informan berikut:

...aktiviti ini bagi orang yang terlibat ianya sesuatu yang menyeronokkan dan happening

...bagi saya aktiviti ni normal dan menjadi kebiasaan bagi masyarakat kita terutamanya remaja. Masyarakat juga tidak menilai kalau lakukan aktiviti ini sebab normal dan semua orang buat...

...aktiviti ini sangat menyeronokkan dan buat kita ketagih. Terutamanya apabila perempuan atau pasangan sangat melayan, lagi berahi kami melayan nafsu masing-masing...

...bagi pandangan saya, aktiviti ini tidak sihat dan tidak sepatutnya dibuat oleh sesiapun walaupun atas kerelaan sendiri. Secara positifnya aktiviti ini lebih selamat daripada mereka yang melanggan pelacur atau berzina dengan teman istimewa sehingga mengandung dan membuang anak...

Penerimaan Remaja Terhadap Aktiviti Seks Siber

Hasil kajian mendapati para informan boleh menerima aktiviti seks siber dalam kalangan mereka. Terdapat tiga sebab utama mereka boleh menerima perbuatan ini iaitu hak individu, tidak mengganggu orang lain, dan tidak mendorong sebarang keburukan kepada pelaku. Pertama, informan menyatakan ianya adalah satu perbuatan normal dan boleh diterima aktiviti ini kerana bergantung kepada hak individu yang mempunyai kebebasan terhadap pemilikan media sosial. Kebebasan ini termasuklah melakukan aktiviti seks siber atau aktiviti lainnya. Oleh itu, mereka tidak menolak aktiviti ini atas dasar menghormati hak individu dan ianya boleh menjadi kebaikan jika dilihat kepada sudut positifnya.

Kedua, remaja yang menerima aktiviti ini menyatakan ianya tidak mengganggu orang lain dan tidak pernah memaksa sesiapa untuk memberi respon kepada ayat-ayat seks mereka. Ini kerana pasangan yang dipilih tidak dipaksa untuk membala atau sebaliknya. Jika pasangan tersebut membala dengan baik bererti beliau sudah sudi atau memberi tanda bahawa beliau juga menginginkan perkara yang sama. Aktiviti ini sama sekali tidak mengganggu kehidupan harian mereka yang tidak terlibat atau yang terlibat secara langsung. Seks siber adalah bergantung kepada nafsu seseorang dan jika dua orang sudah bersetuju dan rela untuk melakukan atau menaikkan nafsu masing-masing barulah ia akan berlangsung, ianya jelas menunjukkan tiada unsur paksaan atau mengganggu orang lain yang tidak mahu melibatkan diri. Selain itu, aktiviti ini boleh diterima dalam kalangan informan kerana ianya tidak mendorong keburukan kepada pelaku atau pengamalnya. Ianya menyeronokkan dan hanya mendorong ketagihan kepada pengamal tetapi bukanlah satu keburukan yang terlalu ekstrem sehingga aktiviti ini tidak dipersetujui. Hal ini boleh dilihat melalui kenyataan para informan berikut:

...ini adalah hak individu dan tidak mengganggu kehidupan saya sehingga saya tidak menerima aktiviti ini...

...bagi saya perkara ini cukup mudah, selagi ianya tidak mengacau dan mengganggu orang lain, mengapa pula perlu dihalang perkara sebegini?...

...saya biasa sahaja dengan aktiviti ini dan tidak mendorong keburukan pada saya. Aktiviti ini sangat menyeronokkan dan buat kita ketagih...

Namun, terdapat juga informan tidak menerima aktiviti seks siber ini atas dasar agama, norma sosial Malaysia dan merosakkan martabat seseorang terutamanya kaum wanita. Data kajian mendapati mereka menyatakan seks siber adalah dilarang dari sudut agama dan ini bersangkut paut kepada dosa dan pahala sesuatu perbuatan. Walaupun aktiviti bukanlah zina yang zahir, namun ianya juga dikategorikan sebagai zina hati dan mata yang juga di bawah hukum haram serta dosa apabila dilakukan. Dalam sudut norma sosial juga aktiviti seks siber dilihat tidak bertepatan dengan kebiasaan dalam rakyat Malaysia yang secara puratanya di dominasi oleh mereka yang beragama Islam. Seterusnya, negara ini juga adalah negara Islam yang sepatutnya tidak menjadikan aktiviti seks sebagai norma sosial masyarakat. Dari segi merosakkan martabat adalah di mana aktiviti ini akan melibatkan perkongsian gambar peribadi kepada kenalan atau pasangan yang tidak dikenali secara langsung. Ini akan mendatangkan kesan negatif terutamanya kepada kaum wanita apabila gambar yang dikongsi disebarluaskan atau dijadikan ugutan kepada mereka. Ini akan menjatuhkan maruah mereka sendiri dan juga orang disekelilingnya. Hal ini disokong oleh kenyataan para informan seperti berikut:

...saya sangat tidak bersetuju dengan aktiviti ini. Sebab pertama kalau kita lihat dari sudut agama kan ianya dosa, kalau tengok dari norma sosial pun ianya bercanggah dengan norma sosial yang ada di Malaysia...

...bagi saya, saya tidak menerima aktiviti ini sebab boleh merosakkan martabat atau menjatuhkan maruah seseorang lebih-lebih lagi wanita dengan hanya berkongsi gambar peribadi atau melakukan panggilan video di laman sosial...

Faktor-Faktor Aktiviti Seks Siber

Setiap perkara yang berlaku atau dilakukan selalunya dipengaruhi oleh beberapa faktor. Begitu juga dengan aktiviti seks siber ini, terdapat beberapa faktor telah dikenal pasti melalui kajian ini yang menjadi penyebab remaja melibatkan diri dengan aktiviti seks siber. Hasil kajian mendapati faktor yang paling utama diutarakan oleh informan adalah diri sendiri. Faktor sampingan lain adalah seperti media massa, pengaruh rakan, kewangan, pendidikan seks serta mengelakkan seks fizikal.

Informan menyatakan bahawa faktor diri sendiri adalah yang paling ketara bagi mereka yang melibatkan diri dalam aktiviti seks siber ini. Ini didapati apabila timbul rasa ingin tahu yang tinggi terhadap sesuatu perkara dan tidak mampu untuk melawan nafsu yang timbul dalam diri sendiri. Mereka ingin mencuba sesuatu yang menyeronokkan dan

tiada siapa yang menghalang niat mereka kerana seks siber berlaku secara senyap dan tidak diketahui oleh sesiapa. Informan juga berpendapat bahawa faktor ini termasuklah memenuhi kepuasan diri sendiri dan melayan nafsu bersama pasangan. Kepuasan melayan nafsu dengan seks siber ini hanya diketahui oleh diri sendiri dan juga mereka yang menjadi teman seks mereka. Faktor kedua yang diperolehi adalah media massa dan pengaruh rakan sebaya. Media massa merangkumi filem, akhbar dan juga video lucah yang semakin banyak disebarluaskan kini. Dari segi filem, didapati adegan lucah atau seks juga merupakan faktor melakukan seks siber kerana perasaan ingin mula timbul atas penontonan babak-babak tersebut. Jika dilihat dari sudut filem ini sememangnya banyak adegan lucah atau seks yang dipertontonkan kepada khalayak tanpa sebarang tapisan tidak kira filem Malaysia atau Hollywood.

Pengaruh rakan sebaya berlaku apabila terdapat rakan-rakan yang sudah terlibat dengan seks siber dan membuat remaja tidak merasa ketinggalan apabila tidak turut melakukannya. Remaja juga ingin merasakan sendiri keseronokkan yang diperolehi oleh rakan mereka. Faktor lain yang diperolehi dari kajian ini adalah kewangan, pendidikan seks dan juga mengelakkan seks fizikal. Informan menyatakan salah satunya adalah faktor kewangan kerana informan tidak mempunyai duit untuk membawa pasangan ke luar seperti ke hotel atau tempat lain dan jalan paling mudah adalah dengan mencari pasangan di dalam media sosial kerana tidak perlu mengeluarkan wang hanya dengan menggunakan ayat-ayat berbentuk seks dan perbuatan lucah.

Selain itu, umumnya pendidikan seks penting dalam kalangan remaja supaya dapat memberikan pengetahuan yang lebih mendalam tentang seks dan bahayanya perbuatan seks bebas atau di siber. Kekurangan pendidikan seks di sekolah-sekolah menjadikan remaja terjerumus kepada aktiviti seks dengan aktif kerana kurang pendedahan pendidikan seks dari peringkat awal. Faktor seterusnya adalah pengelakkan seks bebas secara fizikal di luar. Aktiviti seks siber digunakan bagi mengelakkan melakukan maksiat atau perbuatan sumbang di luar sehingga mendatangkan kesan buruk yang ketara seperti mengandung. Seks fizikal juga memerlukan perlindungan yang rumit dan tidak semudah seks siber di mana seks fizikal perlu memikirkan tentang kesan jangka panjang dan perlindungan seperti kondom. Manakala seks siber hanya memerlukan imaginasi yang tinggi dan kaedah memuaskan nafsu secara sendirinya tanpa melakukan seks secara sentuhan. Hal ini boleh dilihat melalui kenyataan para informan seperti berikut:

...mereka kurang dari segi pendidikan seks. Faktor lainnya, persekitaran atau pengaruh kawan-kawan. Tapi faktor paling besar pada pandangan saya ialah diri sendiri kerana rasa ingin tahu yang tinggi terhadap aktiviti ini...

...faktor diri sendiri lah...selain itu faktor media massa dan pengaruh rakan sebaya. Dalam movie bersepah aksi menghairahkan. Ataupun dekat FB pun banyak je orang post gambar yang lucah-lucah, dari situ jugak boleh jadi faktor buat seks siber sebab tetiba teringin nak naikkan nafsu dengan mesej-mesej lucah...

...saya rasa sebab tiada pasangan dalam kehidupan luar dan mereka memuaskan nafsu dengan bagi kata-kata lucah pada mana-mana perempuan atau lelaki yang ingin melayan mereka. Rasanya mereka yang buat benda ni hanya mahukan keseronokan atau nak mencuba dan cari pasangan atau kenalan yang boleh puaskan keinginan masing-masing. Sebab dah ketagih benda ni tapi nak buat “in real way” takut and benda ni tak kisah pasal termengandungkan anak orang ke nak guna kondom semua, benda ni jadi “simple and easier to do it” hanya guna imaginasi dan ayat-ayat seks...

...pada saya sebab tidak mampu nak lawan nafsu serakah yang makin lama makin kuat dalam diri. Pastu tiada duit nak bawa pasangan saya ke luar..ke hotel ke...selain itu, filem di wayang sekarang jarang yang tiada adegan yang lucah paling tidak pun mesti ada adegan bercium. Saya rasa seks siber antara medium yang paling selamat sebab tidak perlu melakukan seks dan tanggung segala akibat disamping mendapat kepuasan pada tahap yang hampir sama...

...mungkin sebab mereka nak mencuba dan tidak ada siapa yang halang jadi mereka terus-terusan melakukan aktiviti ini. Kawan-kawan mereka tahu, sama ada kawan yang lebih tua atau lebih muda. Disebabkan diorang tidak mahu ketinggalan dalam benda-benda yang menyeronokkan ini...

...ikut pandangan saya memang saya buat untuk kepuasan saya sendiri dan juga pasangan saya. Dari movie pun boleh jadi faktor saya buat

benda ni. Bila dah tertengok “scene” merangsangkan ni macam biasalah saya pun teransang...

KESIMPULAN

Secara keseluruhan hasil kajian mendapati para informan boleh menerima perbuatan aktiviti seks siber dalam kalangan mereka dan tidak mempunyai sebarang persepsi buruk terhadap pelakunya. Ini menunjukkan bahawa informan beranggapan, perbuatan seks siber adalah satu perkara yang normal. Walau bagaimanapun, aktiviti seks siber bukanlah sesuatu yang dibenarkan dari sudut agama mahu pun masyarakat. Informan tidak mempunyai kesedaran bahawa perbuatan seks siber adalah satu perbuatan menyalahi undang-undang Malaysia dan jika disabit boleh dikenakan hukuman. Selain itu, berdasarkan jawapan keseluruhan informan juga jelas menunjukkan bahawa informan mempunyai didikan agama yang kurang sehingga mereka boleh menganggap perbuatan tersebut boleh diterima. Justeru beberapa langkah perlu diambil bagi mengawal perbuatan ini agar dapat mewujudkan golongan remaja yang mempunyai berfikiran waras, sihat dan tidak terlibat dalam aktiviti seks siber ini. Pertama adalah perlu adanya pemantauan daripada pihak kerajaan ke atas laman-laman yang memberikan kandungan lucah yang boleh memberi kesan kepada golongan remaja dan akhirnya membawa ke perbuatan aktiviti seks siber. Agensi kerajaan seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia yang diberi kuasa dalam isu menangani penyalahgunaan Internet perlu lebih proaktif dalam memberi kesedaran kepada pengguna Internet mengenai bahayanya perbuatan aktiviti siber ini. Selain itu, ibu bapa juga perlu memberi didikan agama yang secukupnya kepada anak-anak dan memantau kegiatan mereka di alam siber. Jikalau lebih banyak pendedahan tentang keburukan seks siber dilakukan kepada remaja melalui ceramah atau program-program ianya dapat mengurangkan peratusan remaja melakukan seks siber ini. Pendidikan seks juga boleh diterapkan kepada golongan remaja kerana melalui pendidikan berkenaan remaja boleh didekahkan mengenai baik buruknya perbuatan seks siber dan dapat meningkatkan pengetahuan mereka dalam hal ini.

RUJUKAN

- Agus, E. (2008). *Cyber Sex Dalam Perspektif Hukum Positif dan Hukum Islam*. Jakarta: Universiti Islam Negeri Syarif Hidayatullah.
- Aiken, M. (2017). *The cyber effect: A pioneering cyberpsychologist explains how human behavior changes online*. London: John Murray
- Akamai. (2017). Q1 2017 State of the Internet. Diambil Julai 28, 2017, daripada <https://content.akamai.com/am-en-pg8854-q1-17-soti-security.html>.

- SKMM. (2017). 6,275 aduan salah guna media baharu. Diambil Disember 21, 2017, daripada <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2017/11/348648/6275-aduan-salah-guna-media-baharu>
- Weiss, R. (2015). *Sex addiction 101: A basic guide to healing from sex, porn, and love addiction*. Florida, United States: Health Communications
- Wery, A., & Billieux, J. (2017). Problematic cybersex: Conceptualization, assessment, and treatment. *Addictive Behaviors*, 64, 238-246.
- Whitty, M. T., & Young, G. (2017). *Cyberpsychology: The study of individuals, society and digital technologies*. West Sussex, UK: Wiley